

KWAP beli Menara AIA Cap Square

vm 17/12.

KUALA LUMPUR 16 Dis. - Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) membeli bangunan pejabat Menara AIA Cap Square yang terletak berdekatan Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) di ibu kota, yang dianggap sebagai pembelian bangunan pejabat terbesar tempatan dalam tahun ini.

Dana pencen kerajaan itu membeli bangunan tersebut daripada syarikat Jerman, Union Investment Real Estate GmbH (UIRE) yang dilaporkan oleh media tempatan bernilai lebih RM500 juta.

Menurut penasihat bagi transaksi tersebut, JLL Malaysia, bangunan setinggi 41 tingkat itu yang berkeluasan 601,796 kaki persegi ketika ini disewa oleh syarikat insurans dan kewangan seperti AIA dan Citibank.

Pengarah Urusan JLL Malaysia, YY Lau berkata, pihaknya menyifatkan keputusan KWAP untuk membeli bangunan tersebut menggambarkan keyakinan badan kerajaan itu terhadap pasaran pejabat di Kuala Lumpur dan seterusnya boleh menyuntik



KWAP

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
RETIREMENT FUND INCORPORATED

minat pelabur-pelabur terhadap pasaran pejabat tempatan.

“Kami gembira dengan keputusan jualan ini untuk kedua-dua pembeli dan penjual. Ia merupakan hartanah yang berprofil tinggi di lokasi tumpuan, selain mempunyai penyewa yang berkualiti,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menara AIA Cap Square merupakan hartanah pejabat kedua yang dimiliki oleh KWAP di Kuala Lumpur, selepas membeli Menara Integra setinggi 39 tingkat yang terletak di Jalan Tun Razak pada April 2015 pada harga RM1.06 bilion.

Pada awal tahun ini, KWAP telah menjual bangunan pejabat setinggi 18 tingkat 88 Wood Street di London, United Kingdom (UK) berharga AS\$345 juta (RM1.54 bilion), lebih tinggi berbanding harga dibeli tahun 2013 pada harga AS\$275 juta (RM1.23 bilion).